



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 5/2026

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran cukai perkhidmatan dan subseksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pengenaan dan memungut cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

KEMUDAHAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN KERJA PEMBINAAN FASILITI DAN STRUKTUR LUAR PESISIR DAN DARAT (*OFFSHORE AND ONSHORE FACILITIES*) SERTA PENUKARAN KAPAL KEPADA STRUKTUR TERAPUNG (*FLOATING STRUCTURE*) YANG DISEDIAKAN KEPADA PELANGGAN DI LUAR MALAYSIA

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kerja pembinaan fasiliti dan struktur luar pesisir dan darat (<i>offshore and onshore facilities</i>) serta penukaran kapal kepada struktur terapung (<i>floating structure</i>) yang disediakan kepada pelanggan di luar Malaysia adalah seperti berikut: (a) Penerima perkhidmatan dari luar Malaysia dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembinaan fasiliti luar pesisir dan darat (<i>offshore and onshore facilities</i>) atau penukaran kapal kepada struktur terapung (<i>conversion of ship to floating structure</i>) yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan pembinaan di Malaysia, berdasarkan perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan (b) Penyedia perkhidmatan pembinaan di Malaysia dikecualikan daripada mengenakan dan memungut cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembinaan fasiliti luar pesisir dan darat (<i>offshore and onshore facilities</i>) atau penukaran	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan L, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; (b) Setiap kontrak hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani dengan pelanggan luar Malaysia dan dimeterai duti setem oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); (c) Pengecualian cukai perkhidmatan diberikan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2025 sehingga projek disiapkan atau kontrak tamat; (d) Penyedia perkhidmatan pembinaan di Malaysia hendaklah memastikan setiap invois yang dikeluarkan mengandungi pernyataan berikut: <i>“Pengecualian cukai perkhidmatan di bawah perenggan 34(3)(a) dan subseksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 melalui Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 5/2026 bertarikh 8 September 2026.”</i> (e) Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan bermula 1 Julai 2025



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
	kapal kepada struktur terapung (<i>conversion of ship to floating structure</i>) yang disediakan kepada pelanggan luar Malaysia , berdasarkan subseksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.	hendaklah dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan Seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan tiada bayaran balik (<i>refund</i>) ke atas cukai perkhidmatan diluluskan kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan tersebut; (f) Penyedia perkhidmatan di Malaysia perlu menyimpan semua dokumen berkaitan bagi tujuan pengauditan oleh pihak JKDM; dan (g) Penerima perkhidmatan pembinaan fasiliti luar pesisir dan darat (<i>offshore and onshore facilities</i>) atau penukaran kapal kepada struktur terapung (<i>conversion of ship to floating structure</i>) adalah pelanggan, entiti atau syarikat yang bukan ditubuhkan di Malaysia.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA